



Berita **BANDARAYA**

Kuala Lumpur City News

Layari Berita Bandaraya di www.dbkl.gov.my
Bil.12 Disember 2005/Zulkaedah1426H

ISSN 1675-1876 Naskhab Percuma

D E W A N B A N D A R A Y A K U A L A L U M P U R

BERSAMA KUALA LUMPUR KE ARAH KECEMERLANGAN

Begitulah tema Bajet DBKL 2006 yang mana DBKL memfokuskan dan memberi penekanan kepada aspek-aspek kesejahteraan dan peningkatan taraf hidup semua golongan warga kota. Dalam penyediaan Bajet DBKL 2006 ini, strategi Bajet Negara 2006 iaitu memusatkan kegiatan ekonomi, menyediakan persekitaran mesra perniagaan, membangunkan modal insan, meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat telah diambil kira.

Program-program seperti menyediakan kemudahan infrastruktur bertujuan menjana ekonomi bandar, meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan warga kota, meningkatkan tahap kesefamatan warga kota, melaksanakan pelbagai aktiviti pembangunan sosial tujuan intergrasi masyarakat bandar dan menjana ekonomi bandar melalui penyediaan ruang-ruang perniagaan khususnya untuk perniagaan kecil akan terus dilaksanakan.

DBKL juga akan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan (*delivery system*) kepada warga kota seperti mempertingkatkan tahap perkhidmatan kebersihan dan penyelenggaraan bandar dengan lebih berkesan, mempertingkatkan cirri-ciri keindahan bandar, mempercepatkan proses pengeluaran kelulusan perancangan, proses pengeluaran lesen perniagaan/penjajaan, proses pengagihan perumahan awam kepada mereka yang berkelayakan, mempertingkatkan penyediaan kemudahan ICT yang lebih cekap dan berkesan, memperkenalkan budaya khidmat mesra pelanggan, mempertingkatkan budaya penyelenggaraan bandar dengan penglibatan warga kota dan sebagainya.

Bagi tahun 2006, DBKL dijangka akan membelanjakan sejumlah RM2,007.14 juta berbanding RM1,810.34 juta pada tahun 2005. ini merupakan kenaikan sebanyak 196.80 juta ringgit bersamaan dengan 10.87%.

Daripada jumlah peruntukan untuk tahun 2006, sejumlah RM2,007.14 juta, RM1,048.40 juta atau 52.23% ialah untuk perbelanjaan mengurus. Manakala RM958.74 juta atau 47.77% merupakan perbelanjaan pembangunan.

Perbelanjaan pembangunan akan dibiayai oleh



Y. Bhg. Datuk Haji Ruslin Haji Hasan, Datuk Bandar Kuala Lumpur menunjukkan Buku Bajet DBKL 2006 - Gambar Berita Bandaraya

lebihan terkumpul tahun-tahun lepas iaitu sebanyak RM636.48 juta, bantuan kerajaan Pusat RM287.46 juta dan lain-lain sumber seperti Caruman dari Dana Cukai Am, Pembangunan Usahasama dan Penswastaan serta Sumbangan Berkanun daripada pemaju iaitu RM34.8 juta.

Bajet mengurus akan terus memberi keutamaan kepada usaha-usaha meningkatkan tahap perkhidmatan perbandaran seperti kerja-kerja pembersihan, pengurusan pasar, penjaja dan kesihatan. Turut diberi perhatian ialah menyelenggara jalan dan pengurusan lalulintas, pengurusan dan penyelenggaraan perumahan awam dan kerja-kerja pengindahan. Daripada bajet mengurus ini, belanja untuk emolumen turut diperuntukkan bagi membolehkan jentera DBKL bergerak lebih berkesan.

Daripada keseluruhan bajet pembangunan

Bersambung di muka surat 8-9

Dari Meja Datuk Bandar



"Bersama Kuala Lumpur ke Arah Kecemerlangan"

Itulah tema Bajet 2006 DBKL. Dalam penyediaan bajet ini, DBKL mengambilnya strategi Bajet Negara 2006 iaitu memusatkan kegiatan ekonomi, menyediakan

persekitaran mesra perniagaan, membangunkan modal insan, meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

Fokus DBKL masih memberi penekanan kepada aspek-aspek kesejahteraan dan peningkatan taraf hidup semua golongan warga kota. Program-program seperti menyediakan kemudahan infrastruktur bagi tujuan menjana ekonomi bandar, meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan warga kota, meningkatkan tahap keselamatan warga kota, melaksanakan pelbagai aktiviti pembangunan sosial bagi tujuan integrasi masyarakat bandar dan menjana ekonomi bandar melalui penyediaan ruang-ruang perniagaan khusus untuk perniagaan kecil, akan dilaksanakan.

DBKL juga akan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan (delivery system) kepada warga kota seperti mempertingkatkan tahanan kerumitan kebersihan dan penyenggaraan kemudahan awam, mempertingkatkan ciri-ciri keindahan bandar, mempercepatkan proses kelulusan perancangan, mempercepatkan proses pengeluaran lesen perniagaan / penjajaan, mempercepatkan proses pengagihan perumahan awam kepada mereka yang berkelebihan, mempertingkatkan penyediaan kemudahan ICT yang lebih cekap dan berkesan, memperkemaskan budaya khidmat mesra pelanggan dan sebagainya.

Untuk melaksanakan semua ini, DBKL akan membelanjakan sebanyak RM 2 billion pada tahun 2006, berbanding RM 1.8 billion pada tahun 2005 yang mana merupakan kenaikan sebanyak 10%. Daripada jumlah peruntukan sejumlah RM 2 billion, 52% adalah untuk perbelanjaan mengurus, manakala baki 48% merupakan perbelanjaan pembangunan.

Dalam Bajet Mengurus, DBKL akan terus memberikan tumpuan dan keutamaan kepada kerja-kerja pembersihan, pengurusan pasar, penjaja, dan kesihatan. Tidak ketinggalan diberikan tumpuan juga kepada penyenggaraan jalan dan pengurusan lalulintas, pengurusan dan penyenggaraan perumahan awam dan

kerja-kerja pengindahan.

Dalam Bajet Pembangunan pula, DBKL akan menumpukan kepada pembangunan kemudahan sosial dan rekreasi seperti pembinaan pasar dan gerai, kompleks sukan, taman-taman rekreasi dan pelbagai kemudahan masyarakat. Kerja-kerja perparitan dan penyenggaraan sungai juga tidak ketinggalan di dalam Bajet Pembangunan ini.

DBKL menganggarkan kutipan hasil untuk tahun 2006 adalah sebanyak RM 1.02 billion, berbanding 972.1 juta pada tahun 2005, peningkatan sebanyak 5.5%. Hasil ini adalah daripada cukai pintu dan hasil bukan cukai serta bantuan langsung dari Kerajaan Pusat untuk projek Rancangan Malaysia Ke 9. Berdasarkan hasil ini, DBKL dijangka mengalami defisit untuk tahun 2006.

DBKL juga pada dasarnya tidak bercadang untuk menaikkan kadar cukai pintu pada tahun 2006 walaupun kadarnya telah tidak dinaikkan untuk tempoh lebih daripada 10 tahun. Namun begitu, berikutan perancangan Bajet yang sistematik, DBKL masih lagi dapat menampung kos perbelanjaan mengurus dan pembangunan dengan baik dan memuaskan berdasarkan kepada sumber-sumber pendapatan yang sedia ada.

Untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang mempunyai pembangunan yang selaras dan taraf kehidupan yang bermutu, pembangunan fizikal dan infrastruktur sahaja tidak mencukupi. Pembangunan warga kota itu sendiri perlu dipertingkatkan selaras dengan pembangunan fizikal. Oleh itu dalam Bajet 2006 ini, di samping memberikan tumpuan terhadap penyediaan kemudahan fizikal, DBKL juga akan memberikan tumpuan dan perhatian kepada aktiviti-aktiviti pembangunan masyarakat.

Saya menyeru dan terus merayu supaya warga kota dari pelbagai peringkat seperti peniaga, penjaja, kontraktor, ahli korporat, persatuan / pertubuhan bukan kerajaan, lain-lain agensi kerajaan dan semua pihak supaya sama-sama membangunkan dan menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur sebuah bandar raya yang bersih, kemas, indah dan selamat. DBKL juga berharap agar semua warga kota sama-sama bersedia menyumbang ke arah bandar raya cemerlang selaras dengan matlamat menjadikan Kuala Lumpur Bandar Raya Bertaraf Dunia menjelang tahun 2020.

SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 2006

Pandangan

Berita Bandaraya / KL City News akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai amnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada: Sidang Redaksi Berita Bandaraya KL City News Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 5 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut 50350, Kuala Lumpur. e-mel akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9067 Faks: 03-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menjurut, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

Sidang Redaksi

Penasihat: Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan **Ketua Editor:** Tuan Hj. Salleh Bin Yusup **Editor:** Hanim Binti Hj. Hashim **Sub-Editor:** Suriyana Binti Ismail **Jurufoto:** Abd. Rhani Bin Md. Shohor

From the Mayor's Desk

"Striving for Excellence With Kuala Lumpur"

That is the theme of 2006 City Hall's Budget. In preparing the budget, City Hall has taken strategies from the 2006 National Budget - economic growth, providing business friendly environment, development of human capital and improving the citizens' well being and quality of living.

City Hall focus is still towards improving the well being of the public and quality of living. Programs to provide infrastructure in order to generate the economy, improve the residents' well being and quality of living, increase safety measures, promote various social activities towards peoples' integration and allocate spaces for businesses, especially small businesses will be implemented.

City Hall will also improve the delivery system such as cleaning services, maintenance of public amenities, planning approval processes, issuing of business licences, allocation of public housing, beautification, upgrading ICT facilities, improving friendly customer services etc.

City Hall will spend a total amount of RM 2 billion, a 10% increment as compared to RM 1.8 billion in 2005. 52% will be for management expenditure.

City Hall will focus on cleanliness, management of markets, petty traders and health. Road maintenance and traffic management, management and maintenance of public housing and landscaping will also part of the budget.

Under the development budget, City Hall will focus on social and recreational

amenities such as building new markets, sport complexes and recreational parks and other public amenities. Drainage and river maintenance are also included in this development budget.

Fro 2006, City Hall estimates its revenue to be RM 1.02 billion, a 5.5% increase compared to last year's RM972.1 million. This comes from assessments, non-taxable revenue and funding from Federal Government for the 9th Malaysia Plan projects. Based on this, deficit Budget is expected for 2006.

City Hall will not increase assessment rates in 2006 even though it has not been increased for the past 10 years. City Hall's systematic budget planning has ensured that management and development costs can still be met based on current resources.

Physical and infrastructure development is not sufficient to make Kuala Lumpur a balanced city with high quality of living. People's development must be parallel with the physical development. 2006, Budget therefore, also gives priority to development.

DIGITAL CITY **I** hope that city residents from all walks of life, such as businessmen, hawkers, contractors, corporate sectors, non-governmental organizations and government agencies to cooperate in making Kuala Lumpur a clean, beautiful and safe city. The city residents should contribute towards Kuala Lumpur an excellent city in line our vision to make Kuala Lumpur a World Class City by 2020.

HAPPY NEW YEAR 2006

EDITORIAL BOARD

Advisor: Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan, Editor in Chief:Tuan Hj. Salleh Bin Yusup, Editor: Hanim Binti Hj. Hashim, Sub-Editor: Suriyana Binti Ismail Photographer Abd. Rhani Bin Md. Shohor, Editor's Address Kuala Lumpur City News Public Affairs & International Unit,Level 5, City Hall Building,Jalan Raja Laut, 50350, KL Tel : 03 2617 9067 Fax: 03 2694 1373 e-mail : akhbar@dbkl.gov.my